

I-AQUAS UPM bangukan pusat penyelidikan dan pengembangan akuakultur di Melaka

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 29 Sept - Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Rambai, Melaka membangunkan pusat penyelidikan dan pengembangan akuakultur memfokuskan pada spesies akuatik.

Pengarah I-AQUAS UPM, Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris berkata idea untuk membangunkan pusat ini tercetus daripada keperluan untuk memperkukuh sektor akuakultur di Melaka, memandangkan negeri itu mempunyai kawasan dan sumber air yang baik dan berkualiti.

“Konsep pusat ini meliputi lima komponen utama iaitu pembangunan hatcheri untuk benih berkualiti tinggi, pengeluaran akuakultur, taman agro-aquatourism untuk pendidikan dan pelancongan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) akuakultur, serta pembangunan tenaga mahir melalui pusat latihan TVET,” katanya.

Tambah beliau, pusat itu akan berfungsi sebagai tempat untuk menjalankan penyelidikan yang berterusan bagi menghasilkan hasilan akuakultur berkualiti tinggi dan juga menjadi pusat latihan kepada penduduk tempatan serta tenaga kerja industri.



Dengan kerjasama ini, I-AQUAS berhasrat untuk menerapkan tagline SHAPE yang merangkumi SmartAqua (Akuakultur Pintar), Hub benih (one stop seed center), Aquapreneur Fast Track Vet (Modul latihan Komprehensif TVET dan Ecological and social resilience (ketahanan ekologi dan social) bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti akuakultur di kawasan tersebut.

“Melalui sinergi ini I-AQUAS, UPM berhasrat untuk merangkumi SmartAqua (Akuakultur Pintar), Hub benih (one stop seed center), Aquapreneur Fast Track Vet (Modul latihan Komprehensif TVET dan Ecological and social resilience (ketahanan ekologi dan sosial) bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti akuakultur di kawasan tersebut,” katanya.

Prof. Dr. Ahmad Zaharin juga menjelaskan terdapat beberapa beberapa spesis ternakan laut yang sesuai untuk diperkenalkan dalam program akuakultur, termasuk udang putih (*Litopenaeus vannamei*), udang harimau (*Penaues monodon*), udang galah (*Macrobrachium rosenbergii*), tilapia marin (*Oreochromis spp.*) dan ketam renjong (*Portunus pelagicus*).



“Pemilihan kesemua spesis ini dilakukan berdasarkan beberapa pertimbangan penting iaitu mempunyai persekitaran ternakan yang baik di Sebatu, Melaka dan spesis tersebut mempunyai kadar pertumbuhan yang cepat serta menjanjikan hasil pulangan yang baik,” katanya.

Prof. Dr. Ahmad Zaharin berharap melalui jaringan kerjasama ini akan membantu mencegah kerosakan ekosistem malah berpotensi meningkatkan hasil dan pengeluaran akuakultur yang boleh menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.

“Ini juga akan dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan memberikan memberikan impak yang signifikan dalam pengurusan akuakultur serta menyokong pembangunan akuakultur mampan, pemuliharaan sumber akuatik, dan perlindungan persekitaran,” katanya.



Dalam pada itu, UPM selaku universiti penyelidikan akan memainkan peranan utama dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) di pusat tersebut.

I-AQUAS, UPM akan menjalankan kajian saintifik yang berterusan untuk mengembangkan teknologi terkini terutama dalam bidang akuakultur termasuk teknik pembenihan, aplikasi internet benda (IoT), genetik, pemakanan dan pengurusan kesihatan ternakan.

Selain itu, I-AQUAS UPM akan menyediakan modul latihan teknikal untuk membantu dalam meningkatkan modal insan melalui program pendidikan dan latihan untuk komuniti tempatan, tenaga kerja serta terlibat secara berterusan dalam pemindahan kepada komuniti melalui perkongsian dari pakar dalam bidang akuakultur.